

25 JUL 2003

DR MAHATHIR DIANUGERAH PINGAT KEBESARAN S'WAK

MIRI, 25 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini dianugerahkan pingat kebesaran negeri Sarawak, Darjah Satria Bintang Sarawak (DSBS), pada satu majlis yang diadakan di Dewan Suarah di sini.

Darjah yang membawa gelaran 'Pehin' itu disampaikan oleh Yang Dipertua Negeri Tun Abang Muhammad Salahuddin bersempena sambutan 40 tahun Sarawak merdeka dalam Malaysia tahun ini.

Isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali turut dianugerahkan Pingat Peringatan Delima (PPD) (Emas).

Hadir sama pada majlis itu ialah isteri Yang Dipertua Negeri Toh Puan Hajah Norkiah, Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud dan isteri Puan Sri Hajah Laila Taib.

Yang lain adalah Timbalan Ketua Menteri Tan Sri Dr George Chan dan Tan Sri Alfred Jabu, menteri-menteri kabinet negeri, pegawai kanan kerajaan serta orang kenamaan tempatan di sini.

Sebelum itu, Dr Mahathir menunaikan sembayang Jumaat di Masjid At-Taqwa bersama-sama ribuan umat Islam di Miri.

Orang ramai berpusu-pusu untuk bersalaman dengan Perdana Menteri selepas selesai solat berjemaah itu.

-- BERNAMA

MT FLL RON